

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

TARIKH : 25 OGOS 2025 (ISNIN)

SOALAN

SENATOR TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada wujud rancangan
projek-projek baharu bagi Wilayah Persekutuan Labuan dalam RMK13.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) komited untuk terus membangunkan WP Labuan sebagaimana dokumen Buku Utama RMK13. Di bawah Strategi B5.2 dokumen ini iaitu: Mempertingkatkan Pembangunan dan Pengurusan Bandar, Kerajaan Persekutuan telah memberi komitmen untuk melaksanakan usaha merancakkan semula aktiviti sosioekonomi bandar terpilih termasuk di WP Labuan melalui pelaksanaan projek strategik.
2. Arah tuju pembangunan di WP Labuan ini berpandukan kepada Rancangan Struktur Labuan 2040 (RSL2040) yang diwartakan pada 18 April 2025, manakala pelaksanaan projek-projek khusus di bawah RMK13 akan diperincikan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.
3. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Persekutuan tidak terhenti setakat projek berkepentingan utama yang diperincikan dalam RSL 2040 sahaja, malah projek-projek lain di bawah pembiayaan peruntukan pembangunan juga turut akan dimohon oleh pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi mengikut perancangan dan pelan pembangunan masing-masing di WP Labuan yang sudah semestinya diselaraskan dengan aspirasi rencana RMK13 untuk melakar semula pembangunan negara khususnya di WP Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD
HATTA BIN MD RAMLI**

TARIKH : 25 OGOS 2025 (ISNIN)

SOALAN

SENATOR DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang peningkatan yang ketara dalam tahap kebersihan bandar di Wilayah Persekutuan selepas pelaksanaan program Bersih Semua Tempat (BeST).

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kempen Bersih Semua Tempat atau singkatannya BeST merupakan satu inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi memperkukuh dan memperkasa usaha ke arah menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar raya yang bersih, mampan dan berdaya huni. Pelaksanaan inisiatif ini adalah selari dengan Pelan Hala Tuju CHASE City Wilayah Persekutuan yang merupakan visi transformasi bandar berasaskan lima (5) elemen utama iaitu *Clean* (Bersih), *Healthy* (Sihat), *Advanced* (Maju), *Safe* (Selamat) dan *Eco-Friendly* (Mesra Alam). Objektif utama kempen ini adalah bagi menyemai dan menyemarakkan amalan budaya kebersihan dalam kalangan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan.

2. Pelaksanaan kempen BeST ini merangkumi kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan penglibatan dari pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat serta sektor swasta. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah gotong-royong komuniti, plogging, pengindahan kawasan, fogging, pemangkasan pokok, pembaikan bangunan, pembersihan ruang awam serta program kesedaran alam sekitar seperti BeST@Surau, yang turut menggalakkan amalan kitar semula di institusi keagamaan.

3. Kempen BeST ini juga secara tidak langsung menyokong Kepengerusian ASEAN yang kini sedang berlangsung di negara kita serta persiapan bagi penganjuran program Tahun Melawat Malaysia pada tahun depan. Sejak ianya dilancarkan pada Januari lalu, sehingga Ogos 2025 sebanyak 164 kempen BeST telah dilaksanakan di 164 lokasi di Wilayah Persekutuan dengan penglibatan dari pelbagai agensi. Melalui pelaksanaan kempen BeST tersebut sebanyak 17.04 tan sisa telah berjaya dikutip.

4. Pelaksanaan 164 kempen BeST di pelbagai lokasi ini secara umumnya didapati telah berjaya meningkatkan tahap kebersihan dengan signifikan terutamanya di lokasi-lokasi hotspot. Kawasankawasan yang dahulunya kotor dan usang kini telah berubah menjadi lebih bersih, selesa dan ceria.
5. Selain itu, kempen BeST ini juga menampakkan impak yang positif seperti persekitaran yang lebih bersih, selesa dan selamat, pengurangan sisa dan pencemaran, penglibatan komuniti dan institusi, peningkatan kesedaran dan pendidikan awam, serta peningkatan kelestarian alam sekitar.
6. Kerajaan melalui JWP akan terus komited dalam usaha memperkukuh dan memperkasa pelaksanaan kempen BeST bagi memastikan Wilayah Persekutuan yang bersih, mampan dan berdaya huni demi kesejahteraan warganya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK ROSNI BINTI SOHAR

TARIKH : 28 OGOS 2025 (KHAMIS)

SOALAN

SENATOR DATUK ROSNI BINTI SOHAR minta **PERDANA MENTERI** strategi Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) seiring dengan RMK13 dalam memastikan keseimbangan sosial bandar melalui penyediaan rumah mampu milik berkualiti tinggi secara adil dan bersepadu di seluruh Kuala Lumpur, terutamanya di kawasan strategik dan bukan hanya di pinggir bandar.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pembangunan Kuala Lumpur adalah berpandukan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang diwartakan pada 19 Oktober 2023. Pelan ini menganjurkan keperluan sebanyak 762,500 unit kediaman menjelang tahun 2040 seiring dengan unjuran populasi seramai 2.35 juta orang.
2. Daripada jumlah tersebut, 40 peratus atau 305,000 unit telah ditetapkan sebagai rumah mampu milik dan ini merupakan asas kepada keseimbangan sosial bandar yang kerajaan tekankan. Pelan ini seterusnya diterjemahkan melalui Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040).
3. Antara perkara utama yang diperkenalkan ialah Zon Kediaman 4 (R4) yang seluas 353.53 hektar yang dikhususkan untuk pembangunan rumah mampu milik termasuk perumahan awam.
4. Selain daripada itu, pembangunan perumahan mampu milik juga disepadukan dengan zon berintegrasi tinggi perdagangan dan pembangunan bercampur. Pendekatan ini memastikan rumah mampu milik tidak hanya tertumpu di pinggir bandar, tetapi turut dibangunkan di lokasi strategik di pusat bandar Kuala Lumpur.
5. PTKL 2040 juga menetapkan beberapa strategi utama dalam memastikan keperluan rumah milik – rumah mampu milik ini dipenuhi, antaranya:
 - (i) lapisan kawalan perancangan RMM iaitu rumah mampu milik, iaitu kawalan khusus untuk memastikan pembangunan kediaman harga bebas turut menyediakan komponen rumah mampu milik;
 - (ii) insentif nisbah plot bagi memberi galakan kepada pemaju swasta yang membangunkan projek bercampur dengan komponen RMM ini tadi;

- (iii) penerusan program perumahan sedia ada seperti Residensi Wilayah, Residensi MADANI, PRIMA, PPAM dan juga SASaR;
- (iv) penyediaan Perumahan Awam Sewa Bersubsidi (PASS) di lahan tapak yang telah dikenal pasti serta peningkatan kualiti program perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) sedia ada supaya kekal berdaya huni.

6. Walau bagaimanapun, Dasar Perumahan Rumah Mampu Milik ini tidak hanya diukur pada jumlah unit semata-mata. Kerajaan menekankan bahawa projek rumah mampu milik perlu dibangunkan bersekali dengan kemudahan asas seperti sekolah, tadika, klinik, pengangkutan awam, ruang hijau dan juga gerai komuniti. Dengan cara ini, warga kota bukan saja memiliki tempat tinggal, tapi turut menikmati persekitaran hidup yang berkualiti dan juga inklusif.

7. Dari sudut peranan pasaran, kerajaan turut menegaskan komitmen bahawa pemaju swasta tidak boleh hanya menumpukan projek mewah. Sebaliknya, mereka diwajibkan menyediakan komponen RMM dalam pembangunan di kawasan strategik dan insentif nisbah plot disediakan DBKL bertindak sebagai galakan. Namun pada masa yang sama, kerajaan juga mengambil pendekatan kawalan agar rakyat tidak dipinggirkan daripada peluang tinggal di kawasan utama Kuala Lumpur.

8. Dari segi keseimbangan sosial pula, penyediaan rumah mampu milik di kawasan strategik adalah instrumen untuk mengelakkan jurang kediaman antara kelompok berpendapatan berbeza. PTKL 2040 digarap untuk memastikan pembangunan perumahan mampu milik tidak terasing, sebaliknya bersepadu dengan pembangunan komersial dan juga bercampur. Langkah ini secara langsung menyumbang kepada pembinaan komuniti bandar yang majmuk, seimbang dan juga harmoni.

9. Selaras dengan hasrat RMK13 pula dan kerangka Malaysia MADANI, pembangunan perumahan mampu milik bukan hanya satu projek fizikal, tetapi juga pelaburan jangka panjang untuk kestabilan sosial Bandaraya Kuala Lumpur. Ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar inklusif, mampan dan berdaya saing yang mampu menjamin kesejahteraan rakyat pada masa kini dan generasi masa hadapan.

10. Akhirnya, sebagai langkah proaktif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan Jabatan Wilayah Persekutuan Yang Berhormat telah mengeluarkan garis panduan Residensi MADANI ini yang memberi fokus pada insentif pembangunan untuk memperkukuh agenda perumahan mampu milik. Melalui garis panduan ini, projek-projek perumahan akan dipastikan memenuhi DNA MADANI. Bukan saja menyediakan kediaman, tetapi membina komuniti dengan akses yang mudah, bersepadu dan juga berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI
ABD GHAFFAR**

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2025 (RABU)

SOALAN

SENATOR DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kementerian bagi menggalakkan penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menaiki kemudahan awam serta adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan infrastruktur berbumbung untuk kegunaan pejalan kaki, basikal dan kenderaan mikro mobiliti bagi mengurangkan kesesakan jalan raya.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejajar dengan pewartaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk pelaksanaan beberapa langkah selaras dengan Matlamat 5 : Menumpukan Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Mobiliti Cekap Dan Mesra Alam dengan Pembangunan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Dan Kenderaan Mikromobiliti Yang Selamat, Berterusan Dan Mudah Sampai.
2. Matlamat ini adalah komitmen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk meningkatkan infrastruktur berbumbung untuk kegunaan pejalan kaki, basikal dan kenderaan mikro mobiliti bagi mengurangkan kesesakan serta kemudahsampaian dari aspek first - last mile antara mod pengangkutan jalan raya menjelang Tahun 2040.
3. Antara inisiatif pelaksanaan yang telah digariskan di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 berkaitan dengan infrastruktur yang dimaksudkan adalah ;
 - i. Menyediakan rangkaian laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
 - ii. Menyediakan infrastruktur bagi pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
 - iii. Menyediakan zon keutamaan rangkaian pejalan kaki dalam pusat bandar raya; dan
 - iv. Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan *BikeSharing System* (BSS) di Kuala Lumpur.
4. Di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 juga, turut digariskan inisiatif pelaksanaan promosi kesedaran awam bagi memupuk ke arah pejalan kaki dan penggunaan kenderaan mikromobiliti di Kuala Lumpur.

5. DBKL juga telah menyediakan perkhidmatan bas percuma GOKL kepada warganegara Malaysia yang merangkumi 15 laluan di 11 kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jaringan Perkhidmatan bas ini meliputi kawasan berpendapatan rendah dan berkepadatan tinggi seperti kawasan PPR dan Perumahan Awam DBKL sebagai langkah memastikan keseimbangan akses kepada pengangkutan awam bagi semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Bagi meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam secara menyeluruh, DBKL juga telah memperluaskan jaringan lorong khas bas merangkumi laluan strategik seperti di Jalan Klang Lama, Jalan Ampang, dan Jalan Genting Klang.

6. Sehingga kini Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mempunyai kemudahan pejalan kaki berbumbung dan laluan basikal yang bersambung dengan stesen transit pengangkutan awam, hentian bas, perteduhan menunggu bas di hadapan sekolah, ke perkhidmatan kesihatan dan pusat membeli-belah.

7. DBKL juga telah memulakan pelaksanaan Projek Sandbox Mikromobiliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi usaha menangani cabaran kesesakan lalulintas secara mampan serta memperkukuh jalinan sistem pengangkutan bandar, termasuk rangkaian first - last mile.

8. Dengan kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), DBKL telah diberikan mandat untuk melaksanakan projek ini bagi tempoh dua tahun bermula 1 Februari 2025 hingga 31 Januari 2027. Penggunaan kenderaan mikromobiliti seperti basikal elektrik akan dibenarkan hanya melalui operator yang berdaftar, dan di laluan-laluan khusus yang telah dikenalpasti seperti di kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur, Taman Tun Dr. Ismail dan Taman Metropolitan Batu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ**

SOALAN

SENATOR TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta
PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) status terkini projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru, Kuala Lumpur serta jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan agensi berkaitan bagi menangani isu penangguhan projek dan pampasan kepada penduduk yang tidak bersetuju.; dan
- (b) apakah pertimbangan terhadap kesan sosio-ekonomi termasuk kehilangan tempat tinggal dan gangguan sumber pendapatan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada bulan Oktober tahun 2020, pemaju telah memperolehi persetujuan dengan menandatangani perjanjian usaha sama berjumlah 66.77% atau 219 unit teres dan flat. Baki 33.23% atau 109 unit teres dan flat tidak menandatangani perjanjian usaha sama.
2. Dalam hal ini, segala keperluan berkaitan pelaksanaan projek yang melibatkan urusan tanah telahpun diselesaikan. Kesemua tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah dan lapan lot induk flat telah dimiliki oleh pemaju. Pemaju juga telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang Susunatur (KMS) dan Kebenaran Merancang (DO) bagi Plot 1 (kediaman - rumah ganti) serta Plot 4 (perdagangan) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
3. Sehubungan dengan itu, Projek Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kampong Bharu, Kuala Lumpur yang tertangguh sebelum, boleh dimulakan dalam masa terdekat. Pelaksanaan pembinaan dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun 2026.
4. Kesemua pihak berkepentingan yang terlibat telah menerima bayaran pampasan pengambilan tanah mulai Februari 2022 hingga Januari 2023 berdasarkan tawaran pampasan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL). Penentuan pampasan adalah berdasarkan Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang merupakan prinsip untuk menentukan jumlah pampasan kepada orang berkepentingan yang terlibat dengan pengambilan tanah.

5. Berdasarkan APT 1960 juga, pihak berkepentingan yang terkilan dan tidak berpuas hati dengan tawaran pampasan pengambilan tanah telah diberi ruang untuk mengemukakan bantahan ke mahkamah tinggi. JKPTG WPKL telah menerima 75 permohonan. Sejumlah 30 permohonan telah menerima perintah keputusan daripada mahkamah dan 45 permohonan sedang menunggu tarikh perbicaraan daripada Mahkamah Tinggi.
6. Jumlah pampasan yang diberikan di bawah APT 1960 telah mengambil kira semua aspek termasuk keperluan kelangsungan hidup pemilik yang terlibat. Pampasan ini turut memberi potensi kepada pemilik untuk menjana taraf ekonomi yang lebih baik.
7. Penggunaan APT 1960 dalam proses pembangunan ini adalah sah dan mengikut undang-undang berkaitan selagi pelaksanaannya mematuhi prinsip keadilan serta tidak menjejaskan hak pemilik seperti yang dijamin oleh Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.
8. Dalam masa yang sama, Kerajaan turut mengambil inisiatif proaktif dengan menyediakan penempatan yang sesuai kepada pemilik yang terlibat dengan proses pengambilan tanah. DBKL telah meluluskan 46 permohonan penyewaan Residensi Sungai Udang, Segambut dengan kadar sewa istimewa iaitu RM350.00 sebulan untuk tahun pertama dan RM680.00 sebulan untuk tahun kedua dan ketiga penyewaan berbanding kadar sewa asal adalah RM850.00 sebulan. Selain itu, DBKL telah meluluskan 16 permohonan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) DBKL untuk tempoh 3 tahun dengan kadar sewa RM124.00 sebulan.

9. Setelah pembangunan semula Kampung Sungai Baru disempurnakan, penduduk asal yang telah menandatangani perjanjian dengan pemaju akan kembali mendiami kawasan ini dalam keadaan yang lebih bermaruah dan sejahtera. Aspek keselamatan juga akan bertambah baik memandangkan sebelum ini wujud banyak rumah kosong dan terbiar yang berisiko menjadi sarang gejala negatif, khususnya penagihan dadah. Justeru, pembangunan semula ini amat penting bagi mewujudkan ekosistem bandar yang lebih tersusun dan mampan, sekali gus mengangkat taraf sosio-ekonomi masyarakat Melayu. Kedudukan Kampung Sungai Baru yang strategik di tengah-tengah ibu kota perlu dimanfaatkan sepenuhnya, bukan sahaja bagi memelihara nilai sejarah yang kaya, tetapi juga untuk menjadikannya sebagai nadi pembangunan dan tarikan utama Kuala Lumpur pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2025**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN**

SOALAN

SENATOR TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pemasangan *closed circuit television* (CCTV) di Labuan seperti yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam inisiatif Belanjawan 2025, Perbadanan Labuan telah diperuntukkan pemasangan 30 unit kamera litar tertutup (CCTV) dan 20 unit butang panik. Pelaksanaan projek ini adalah sebahagian daripada usaha meningkatkan tahap pemantauan keselamatan awam di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, selaras dengan aspirasi Program Bandar Selamat dan Bandar Pintar.
2. Ketika ini, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menyediakan kerangka perancangan pembangunan bandar pintar secara holistik dengan matlamat agar WP Labuan dapat mencapai tahap keempat penarafan Bandar Pintar iaitu Visionary Smart City. Pendekatan ini akan memastikan projek pembangunan bandar pintar di WP Labuan yang dikenali sebagai Smart Labuan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.
3. Kerangka tersebut turut mengambil kira dasar serta pelan tindakan semasa dan baharu, termasuklah MS ISO 37122:2019 – Bandar dan Komuniti Mampan: Petunjuk bagi Bandar Pintar, dasar CHASE City (*Clean, Healthy, Advance, Safe, Eco-Friendly*), serta penyelarasan dengan pelan tindakan bandar pintar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur Smart City Master Plan (2021–2025), *Putrajaya Smart City Action Plan* (2018–2025) dan Draf Pelan Tindakan Bandar Pintar Labuan (sehingga 2030).

4. Mengambil kira cadangan pembangunan bandar pintar WP Labuan secara holistik yang sedang dirangka dan selaras dengan visi CHASE City, maka JWP berpandangan adalah wajar untuk pemasangan 30 unit CCTV dan 20 unit butang panik dirangkum bersekali.

Sekian, terima kasih.